

SIRI WARISAN SASTERA KLASIK



Misa Melagu



Diselenggarakan oleh

AHMAD FAUZI MOHD. BASRI




Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1992

PUSTAKA PERDANA




1005666



Kandungan

<i>Pengantar</i>	<i>vii</i>
<i>Pendahuluan</i>	<i>ix</i>
<i>Ringkasan Sejarah Negeri Perak</i>	<i>xli</i>
<i>Teks Misa Melayu</i>	<i>1</i>
<i>Glosari</i>	<i>139</i>
<i>Bibliografi</i>	<i>149</i>
<i>Indeks</i>	<i>153</i>





Pendahuluan



Misa Melayu: Suatu Pengenalan tentang Sastra Sejarah

Dalam pengkajian sastra tradisi,¹ *Misa Melayu*² tergolong dalam kelompok "sastra sejarah".³ Dalam kelompok ini termasuklah beberapa teks lain yang penting⁴ seperti *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Johor*, *Hikayat Sri Kelantan*, *Hikayat Raja-Raja Bugis dan Kota Waringin*, *Hikayat Aceh*, *Salasilah Melayu dan Bugis*, *Tuhfat al-Nafis* dan beberapa teks lagi. Dalam pendahuluan ini akan dikaji ciri-ciri umum sastra sejarah dan kaitannya dengan teks *Misa Melayu*. Teks ini pula ditinjau dari sudut historiografinya, pengarangnya serta ulasan terhadap kandungan teks tersebut.

Pada umumnya, sastra sejarah terbahagi kepada dua bentuk, iaitu bentuk prosa dan bentuk puisi. Karya berbentuk prosa menggalurkan peristiwa yang telah berlaku di sekitar istana atau negeri, atau lebih dikenali sebagai 'negara kota'. Karya sastra sejarah dalam bentuk puisi pula digunakan untuk mencatat peristiwa semasa.⁵ Namun begitu *Misa Melayu* adalah karya sastra sejarah yang memiliki kedua-dua bentuk, iaitu prosa dan puisi (syair).

1 Lih. A. Bakar Hamid (Peny.) 1987. *Diskusi Sastra, Jilid I: Sastra Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

2 Lih. Raja Culan, 1965. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

3 A. Bakar Hamid, *op. cit.*, hlm. 131-143.

4 *Ibid.*, hlm. 136-137.

5 Zahrah Ibrahim (Peny.) 1986. *Sastra Sejarah: Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. xii.

Pengkaji sastera beranggapan sastera sejarah mengandungi dua bahagian. Bahagian awalnya adalah kisah asal-usul raja dan negara kotanya. Dalam bahagian ini terdapat unsur mitos dan dongeng. Manakala bahagian keduanya pula mengandungi pengalaman dan persepsi pengarang itu sendiri.

Umumnya karya sastera sejarah menggunakan judul yang dimulakan dengan *Hikayat*, *Sejarah*, *Misa* dan *Salasilah*.⁶ Namun begitu penggunaan *Hikayat* kelihatan agak bebas dalam sastera Melayu lama, misalnya *Misa Melayu* sendiri mempunyai versi yang menggunakan judul *Hikayat Salasilah Perak*.

Perkataan *Misa* itu sendiri pernah dikaji. Pada tahun 1878, William Maxwell menterjemahkan *Misa Melayu* sebagai "*An Example for Malays*".⁷ Lima tahun kemudian, Maxwell membetulkan kenyataannya dengan menyatakan Raja Culan memberi judul karya itu *Misa Melayu* kerana Raja Culan terpengaruh dengan *Misa Perbujaya* (*Misa Perabu Jaya*) atau ringkasnya *Misa Jawa*. Dikatakan, ketika itu *Misa Jawa* amat popular di Perak.⁸ T. Iskandar menyetujui pendapat Maxwell berasaskan bukti nama kerabat diraja Perak yang menggunakan nama seperti Raja Raden, Raja Galuh, Raja Inu, Raja Daha dan Raja Bisnu. Puteri-puteri Yang Dipertuan Muda Perak ini bersaudara dengan Raja Hamid, ayah Raja Culan pengarang *Misa Melayu*. Selepas itu tidak kelihatan pembicaraan dan kajian tentang *Misa Melayu*. Mulai tahun 1960-an *Misa Melayu* menjadi bahan bacaan subjek kesusasteraan Melayu di sekolah menengah dan sejak itu *Misa Melayu* mula dikaji secara ilmiah.⁹ Pada tahun 1970-an *Misa Melayu* dikaji dari segi sejarah dan sastera sebagai latihan ilmiah.¹⁰

6 A. Bakar Hamid (Peny.). April 1975. *Diskusi Sastera*, hlm. 132. *Lih. j. M. Nadzir Hassan* April 1975. "Historiografi Melayu dari Abad 14 hingga Abad 19" dlm. *Dian Daiges*, hlm. 102-112.

7 *Lih.* tulisan William Maxwell 1878. "Notes on Two Perak Manuscripts" dlm. *JMBRAS*, 2, hlm. 187-193; *lih. j. Raja Culan, op. cit.*, hlm. 201.

8 *Ibid.* dan T. Iskandar, Jun 1965. "*Misa Melayu* dan Pengarangnya Raja Culan" dlm. *Dewan Bahasa*, 9:6, hlm. 247.

9 *Lih.* Ismail Ahmad 1966. *Misa Melayu*. Melaka: Abbas Baridung; Buyong Adil 1966. *Hikayat Misa Melayu*. Singapura: Pustaka Melayu; T. Iskandar, 9 Jun 1965. "*Misa Melayu* dan Pengarangnya Raja Culan" dlm. *Dewan Bahasa*, hlm. 245-251; dan Sanusi Samid 11 Jun 1967. "*Misa Melayu*: Nilai Sejarahnya" dlm. *Dewan Bahasa*, hlm. 256-264.

10 *Lih.* Muhamad Haji Arshad 1975. "*Misa Melayu*" (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Jabatan Sejarah, UKM.) dan Sabariah Ahmad 1975. "Kajian Mengenai *Hikayat Misa Melayu*" (Latihan Ilmiah IBKMM, UKM).